



Headline: Perlu ambil tahu tangani scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 20 November 2018

Language: Malay
Section: Cetusan
Page: 43

Perlu ambil tahu tangani scam

MATTHEW CHAN

Mutakhir ini, begitu banyak kes penipuan atau scam dilaporkan di media massa. Saban hari, ada sahaja laporan di media mengenai orang ramai ditipu atau menjadi mangsa penipuan kepada sindiket licik pihak-pihak tertentu. Bukan ratusan ringgit yang ditelan, tetapi ratusan ribu ringgit hilang begitu sahaja.

Daripada Macau Scam, Love Scam hinggalah Ponzi Scam, semuanya mempamerkan tujuan yang serupa, iaitu menipu pengguna.

Terbaru, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman menerima sebanyak 21,374 laporan kes penipuan siber di negara ini untuk tahun 2018 membabitkan kerugian sebanyak RM4.2 bilion.

Menurut Pengarah JSJK, Datuk Seri Amar Singh, kerugian akibat penipuan sedemikian akan terus meningkat sekiranya orang ramai

mudah terpedaya dengan janji-janji manis yang ditawarkan oleh sindiket penipuan berkenaan.

Menariknya, golongan yang ditipu terdiri daripada pelbagai golongan dan latar belakang. Selain warga emas dan wanita yang menjadi sasaran sindiket, golongan terpelajar turut menjadi mangsa.

Lebih menarik lagi, penipuan terus berlaku biarpun pelbagai inisiatif melalui kempen kesedaran dan penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa sebelum ini.

Kempen kesedaran sudah dibuat. Sebuah jawatankuasa untuk memerangi jenayah siber turut ditubuhkan. Begitu juga dengan pesanan khidmat masyarakat di stesen-stesen radio dan televisyen di seluruh negara.

Apabila perkara tersebut berlautan, pihak pertama yang pasti terkesan adalah kerajaan itu sendiri. Perbuatan menuding jari terhadap agensi-agensi penguatkuasa menjadi satu fenomena yang lumrah.

Namun di sebalik insiden-insiden penipuan yang semakin berleluasa, bukankah juga para pengguna perlu memainkan peranan untuk memastikan diri mereka tidak terpedaya?

Sikap acuh tak acuh bahawa insiden sedemikian tidak akan menimpa diri mereka jelas satu percaturan yang silap. Disebabkan sikap sebegini jugalah semakin ramai pengguna tertipu. Dari itu, janganlah mudah dan cepat melenting kononnya pihak berkuasa tidak memberi peringatan pada hal sudah berbuih mulut perkara berkenaan diuar-uarkan di media massa.

Perlu diingatkan bahawa setiap kempen kesedaran dan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa tidak akan mendatangkan kesan sekiranya hanya satu pihak yang memberi respons.

Di pihak pengguna sendiri, mereka harus menggunakan kuasa mereka sebagai pengguna dan turut serta untuk membantu. Sebagai contoh, jika ada antara kalangan

jiran tetangga anda yang tidak pasti bagaimana untuk membuat aduan, bantu mereka. Sebarkan mesej dan berikan maklumat-maklumat penting untuk memudahkan tindakan susulan diambil.

Selain itu, kikiskan persepsi bahawa melaporkan kes-kes sebegini kepada pihak berkuasa adalah satu perkara yang membuang masa dan tiada tindakan akan diambil. Itu adalah persepsi yang tidak tepat. Bagaimana pihak berkuasa boleh mengabaikan tindakan sekiranya tiada aduan yang dilaporkan oleh pengguna?

Pengguna juga tidak harus membuat bermacam-macam andaian kononnya kes-kes penipuan lambat diselesaikan. Bukan semua kes yang dilaporkan adalah 'straight-forward' dan mudah diselesaikan. Sebaliknya, ia memerlukan masa dan penyiasatan yang terperinci.

Pada masa sama juga, pengguna perlulah sentiasa beringat bahawa ada perkara yang sebenarnya terla-

lu baik untuk dipercayai (dalam bahasa Inggerisnya: *if something is too good to be true, then it probably is*). Justeru, janganlah membiarkan hawa nafsu dan tamak haloba mengaburi akal-fikiran kita sehingga tidak tahu membezakan antara baik dan yang buruk.

Walaupun sindiket-sindiket penipuan atau scam tidak mungkin dapat dihapuskan 100%, apa yang penting usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pengguna perlu diperhebatkan. Hanya dengan usaha memberi kesedaran yang berterusan dan konsisten, ia boleh membantu mengurangkan bilangan kes penipuan.

Maka kerana itu, sentiasalah berwaspada dan bersiap-siaga.

** Tulisan di atas hanyalah pandangan peribadi penulis*